



KETUA SETIAUSAHA NEGARA,  
MALAYSIA,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Aras 4 Timur, Blok A, Kompleks Perdana,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 Putrajaya

Telefon: 88881480  
88883381  
Fax: 88883382

**PM(S)10034/5**

**22 November, 2000.**

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian  
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan  
Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri  
Ketua-ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri  
Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan.

Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING AM BIL. 1/2000**

**Skim Sumbangan Amal Jariah Melalui Potongan Gaji Bulanan  
Anjuran Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia  
(YPEIM)**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan mengenai Skim Sumbangan Amal Jariah anjuran YPEIM melalui Potongan Gaji Bulanan bagi kakitangan sektor awam. Skim ini telah dilancarkan melalui Surat Pekeliling Am Bil. 8 Tahun 1984. Skim Potongan Gaji ini akan dilancarkan semula oleh Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 1 Disember 2000. Maklumat terperinci berkenaan Skim Potongan Gaji anjuran YPEIM berserta Borang Persetujuan Sumbangan adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.

2. Sehubungan dengan itu, Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon supaya menggalakkan kakitangan terutama yang beragama Islam menyertai Skim Potongan Gaji Bulanan anjuran YPEIM ini, dan memantau perkembangan dan prestasi penyertaan skim ini melalui mesyuarat-mesyuarat yang sesuai di peringkat Persekutuan/Negeri/Daerah.

3. Segala pertanyaan mengenai skim ini bolehlah dikemukakan terus kepada:

**Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia  
(YPEIM)**

No. 52, Bangunan YPEIM  
Jalan Kampung Attap  
Beg Berkunci 11012  
**50732 KUALA LUMPUR.**

Tel. : 03-22733172  
Fax : 03-22733167  
E-mail : [amaljarah@ypeim.po.my](mailto:amaljarah@ypeim.po.my)

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,



**(TAN SRI ABDUL HALIM ALI)**

**PENGENALAN RINGKAS****SKIM POTONGAN GAJI****ANJURAN YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YPEIM)****(Di bawah Program Pengukuhan Amalan Sadaqatul Jariah)****1. Nama Skim & Tarikh Diperkenalkan**

Skim Potongan Gaji dilancarkan pada 8 Januari 1985.

**2. Tujuan & Kumpulan Sasar**

Menjadi saluran untuk kakitangan bergaji tetap di sektor awam dan swasta memberi sumbangan untuk program-program Amal Jariah melalui YPEIM. Sasaran skim ialah semua kakitangan Muslim dari sektor awam dan swasta.

**3. Cara Menyumbang**

- a) Penyumbang memberi persetujuan supaya gaji mereka dipotong sekurang-kurangnya RM1.00 sebulan dengan memenuhi Borang Persetujuan Sumbangan Melalui Skim Potongan Gaji Bulanan anjuran YPEIM (salinan borang seperti berlampir).
- b) Borang-borang yang telah dipenuhi kemudiannya diserahkan kepada Majikan masing-masing (Bahagian Gaji) atau dihantar terus ke pejabat YPEIM (tertakluk kepada kesesuaian).
- c) Majikan Penyumbang (Bahagian Gaji)/YPEIM akan menghantar Borang Persetujuan Sumbangan ke Pejabat Pembayar/Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) untuk urusan potongan gaji kepada YPEIM (sekiranya urusan potongan gaji institusi berkenaan dibuat oleh Pejabat Pembayar (Jabatan Akauntan Negara/Perbendaharaan Negeri) atau BPA).
- d) Bagi institusi awam yang mempunyai "*Self Accounting Department*" urusan potongan gaji akan diurus sendiri oleh Bahagian Gaji/Bahagian Pembayar institusi tersebut.

## Contoh Borang Persetujuan Potongan Gaji Bulanan



يَا أَيُّهَا الْمَدِينَةُ كَرِيمَةَ إِلهِ الْعَالَمِينَ يَا أَيُّهَا الْمَدِينَةُ كَرِيمَةَ إِلهِ الْعَالَمِينَ

YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YPEIM)  
No. 52 Jalan Kampung Attap, Beg Berkunci 11012, 50732 Kuala Lumpur  
Tel : 03-22733172 Faks : 03-22733167 Email : amaljarah@ypeim.po.my

**BORANG PERSETUJUAN SUMBANGAN AMAL JARIAH  
MELALUI POTONGAN GAJI BULANAN**

Nama:.....  
No. K.P.....  
No. Gaji:.....  
Alamat bertugas: .....  
.....  
Tel: .....

Kepada  
Ketua Jabatan/Majikan  
(Bahagian Gaji)

Saya dengan ikhlas bersetuju memberi sumbangan Amal Jariah kepada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) sebanyak (tanda X dalam jadual di bawah bertentangan dengan jumlah berkenaan)

RM 1	
RM 2	
RM 3	
RM 4	
RM 5	

RM 6	
RM 7	
RM 8	
RM 9	
RM 10	

Tuliskan di sebelah jika lebih daripada jumlah di atas	RM
--	----

pada setiap bulan melalui potongan gaji bulanan saya mulai bulan ..... tahun 20 .....  
Persetujuan ini adalah sah sehingga saya menarik balik kebenaran ini secara bertulis.  
Persetujuan ini menggantikan persetujuan saya yang terdahulu (Bagi penyumbang lama yang ingin membuat perubahan sumbangan).

Tandatangan .....

Tarikh .....

Pengamatan: (a) Tarikh berkuatkuasa sebarang arahan mengenai sumbangan ini adalah tertakuk kepada pentadbiran gaji Jabatan/Majikan masing-masing.  
(b) Bagi penyumbang lama yang ingin membuat perubahan sumbangan hendaklah mengisi borang persetujuan ini.  
(c) Borang Persetujuan ini boleh dibuat salinan/cetak oleh Ketua Jabatan/Majikan berkenaan jika perlu.